



Amaran!

Pihak Jabatan Agama Islam Perak tidak bertanggungjawab ke atas sebarang penambahahan ayat selain daripada kandungan khutbah yang dikeluarkan.

## “AJARAN SESAT: MENGANCAM KESELAMATAN NEGARA”

27 Mei 2022 / 26 Syawwal 1443

الْحَمْدُ لِلَّهِ<sup>1</sup> الَّذِي أَرْسَلَ رَسُولَهُ بِالْهُدَىٰ وَدِينِ الْحَقِّ، لِيُظَهِّرَهُ عَلَى الْدِّينِ كُلِّهِ وَكَفَىٰ بِاللَّهِ شَهِيدًا. أَشْهُدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهُدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.  
اللَّهُمَّ صَلِّ وَسِلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ<sup>2</sup> وَعَلَى آلِهِ وَاصْحَابِهِ وَالثَّابِعِينَ لَهُمْ يَأْخُذُونَ إِلَى يَوْمِ الدِّين. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ<sup>3</sup> أُوْصِيْكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

### Sidang Jumaat yang dirahmati Allah,

Marilah kita tingkatkan ketakwaan ke hadrat Allah SWT dengan melaksanakan segala perintah dan meninggalkan semua larangan Nya, mengikhlaskan setiap amal, semoga kita sentiasa mendapat taufik dan hidayah serta diperkuuhkan iman mengabdikan diri semata-mata kepada Allah Yang Maha Esa. Mimbar pada hari ini akan membicarakan khutbah bertajuk:

## “AJARAN SESAT: MENGANCAM KESELAMATAN NEGARA”

Firman Allah SWT:

أَلْيَوْمَ أَكْمَلْتُ لَكُمُ دِينَكُمْ وَأَتَمَّتُ عَلَيْكُمْ نِعْمَتِي وَرَضِيَتُ لَكُمُ الْإِسْلَامَ دِينًا

Bermaksud: “Pada hari ini, Aku telah sempurnakan (Islam) sebagai agama kalian, dan Aku telah cukupkan nikmat Aku kepada kalian, dan Aku reda Islam itu menjadi agama kalian”  
(Al-Maidah: 3)

Ajaran sesat ditakrifkan sebagai suatu ajaran dan amalan yang bertentangan dengan Islam, serta turut menghakis atau menafikan asas kebenaran aqidah Islam; merangkumi antaranya, perkara-perkara berunsur syirik, mengaku menjadi tuhan, menolak konsep kenabian, penyatuan diri dengan tuhan dan mengaku sebagai Imam Mahdi.

<sup>1</sup> Memuji Allah

<sup>2</sup> Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

<sup>3</sup> Pesan Taqwa



Menurut Imam Ibn Kathir, antara kesesatan terawal yang dilakukan dalam sejarah tamadun Islam ialah mengagungkan kubur yang dianggap keramat, berlaku pada penghujung Zaman Abbasiyah (866 Masihi). Ummah boleh disesatkan melalui amalan-amalan berunsur pemujaan kepada kubur atau makam atau tugu yang dibina atau pemujian dan pendewaan terhadap orang perseorangan yang masih hidup, diiktiraf mempunyai sifat-sifat istimewa dan pengaruh serta kuasa yang luar biasa.

Di Malaysia, ajaran Taslim melalui ajaran Ahmad Matahari yang bertapak di Kampung Seronok, Bayan Lepas Pulau Pinang merupakan ajaran sesat terawal yang dikesani pada tahun 1870. Ahmad Matahari mengaku dirinya Nabi akhir zaman selain menolak solat 5 waktu. Satu kajian yang dilakukan pada tahun 1990, mendapati daripada lebih 20 ajaran sesat, 17 daripadanya disenaraikan dalam kategori mengaku sebagai kumpulan tasawuf dan tarekat tetapi mempunyai unsur-unsur penyimpangan dari ajaran asal kumpulan tasawuf dan tarekat berkenaan. Tidak kurang juga terdapat ajaran yang pemimpinnya mendakwa dirinya ialah Imam Mahdi.

### **Sidang Jumaat yang dimuliakan,**

Kebelakangan ini, terdapat beberapa pihak yang menjadikan Imam Mahdi sebagai sandaran ajaran sesat. Pada 28 April 2020, Polis Diraja Malaysia telah menahan seramai lebih 200 orang yang berkhemah dalam hutan di Ulu Rening, Selangor. Mereka disyaki pengikut ajaran yang meragukan, bersandarkan Imam Mahdi dan kepercayaan akhir zaman. Pada 29 Ogos 2021, negara digemparkan dengan kumpulan Perjalanan Mimpi Yang Terakhir yang dipercayai telah mempengaruhi ratusan pengikut untuk tinggal dalam hutan sebelum keluar dari Malaysia, rentetan mempercayai Imam Mahdi telah muncul. Tidak kurang juga dilaporkan, kerana keyakinan, ada kalangan pengikut kumpulan yang sanggup menjual harta dan berhenti bekerja.

Ajaran sesat yang dikaitkan dengan Imam Mahdi bukanlah baru. Bahkan ajaran ini boleh bersifat radikal dan menjadi ganas. Misalnya, pada tahun 1979, seorang yang mengaku dirinya Imam Mahdi telah mencederakan imam Masjid Rapat Setia, Ipoh. Pada tahun 1980, seramai lapan orang ahli kumpulan ajaran sesat Imam Mahdi telah terbunuh dalam serangan di Balai Polis Batu Pahat. Pada tahun 2012 berlaku kejadian amuk di Putrajaya yang dikaitkan dengan Imam Mahdi, mengakibatkan seorang terbunuh. Justeru sejarah membuktikan bahawa ajaran sesat boleh bertukar menjadi gerakan radikal dan ganas jika tidak dibanters oleh masyarakat.



## Sidang Jumaat yang dimuliakan,

Dikenal pasti, antara sebab yang mendorong penglibatan anggota masyarakat dalam ajaran sesat ialah sikap sebahagian mereka yang tidak mempunyai asuhan dan pendidikan agama yang asas, setelah insaf dan merasakan diri mereka perlu mendekatkan diri dengan tuhan, mahu mencari jalan pintas untuk ke syurga. Lalu mereka bertemu dengan guru-guru tertentu tanpa mengetahui, jauh daripada memahami amalan dan ajaran yang dibawa oleh para guru tersebut menyeleweng. Perangkaan Jabatan Agama Islam Perak menunjukkan sejak tahun 2020, sejumlah 52 aduan berkaitan ajaran sesat dilaporkan di negeri ini. Daripada jumlah tersebut, 19 kes berjaya diselesaikan manakala selebihnya masih dalam pemantauan pihak berkuasa.

Mimbar menyeru agar ummah menjadikan warisan ahli Sunnah Wal Jamaah sebagai tonggak pegangan Islam bertepatan pesanan Rasulullah SAW. Dikisahkan bahawa Saidina Huzaifah ibn al-Yaman RA pernah bertanya kepada Rasulullah SAW mengenai fitnah yang berlaku pada akhir zaman, baginda SAW menjawab bahawa pada ketika itu, muncul kelompok manusia yang enggan menjadikan sunnah dan ajaran tinggalan baginda SAW sebagai sumber beragama. Baginda SAW turut memberikan gambaran, pada akhir zaman juga akan muncul sekelompok manusia (pendakwah) yang akan menjerumuskan ummah ke dalam api neraka, dan kelompok manusia tersebut adalah sebahagian daripada umat Islam sendiri!

Sabda Rasulullah SAW:

**أَوْصِيكُمْ بِتَقْوَى اللَّهِ عَزَّ وَجَلَّ، وَالسَّمْعَ وَالطَّاعَةَ وَإِنْ تَأْمَرُ عَلَيْكُمْ عَبْدٌ، فَإِنَّهُ مَنْ يَعْشُ مِنْكُمْ فَسَيَرِي أُخْتِلَافًا كَثِيرًا، فَعَلَيْكُمْ بِسُنْنَتِي وَسُنْنَةِ الْخُلُفَاءِ الرَّاشِدِينَ الْمَهْدِيَّينَ،**

Bermaksud: Aku sampaikan pesanan ini untuk kalian; bertakwalah kalian kepada Allah, dengar dan taatlah (pemerintah) walaupun kalian dipimpin oleh seorang abdi, kerana sesiapa yang hidup pada zaman tersebut (akhir zaman) akan melihat perselisihan yang banyak. Maka oleh itu, berpegang teguhlah kalian dengan Sunnahku (panduan) dan sunnah Khulafa' al-Rashidin yang diberi petunjuk. (HR Tirmidzi: 2676)



Mimbar menyeru Muslimin kepada peringatan-peringatan berikut:

**Pertama:** Hindari sikap taksub kepada seseorang. Sikap taksub merupakan unsur terpenting memunculkan dan membantu perkembang ajaran sesat. Permulaan kepada penyembahan berhala berpunca daripada sifat mendewa dan menganggungkan manusia, terbukti sejak permulaan penyembahan berhala sebelum zaman Nabi Nuh AS, yang pada asalnya bermula dengan sifat ingin menghormati kematian orang soleh tetapi akhirnya bertukar menjadi bahan pemujaan. Ketahuilah Islam mencela perbuatan taksub kepada manusia.

**Kedua:** Tuntutlah ilmu agama daripada guru-guru dan institusi agama yang bertauliah. Elakkan dari terpengaruh dengan ajaran yang disampaikan melalui media sosial atau guru yang tidak bertauliah.

**Ketiga:** Elakkan daripada terjerumus dengan ajaran-ajaran, sama ada kumpulan tarekat atau ajaran kebatinan yang meragukan. Kenal pasti perlakuan luar biasa ahli keluarga yang terlibat dan menjadi pengikut kumpulan atau ajaran yang meragukan. Segera laporkan aktiviti-aktiviti keagamaan dan kebatinan yang meragukan kepada pihak berkuasa agama dan Polis Diraja Malaysia.

**Keempat:** Menguatkuasakan undang-undang agama khususnya Enakmen Jenayah Syariah Negeri Perak 1992 bagi mengekang ajaran sesat sebaik mungkin.

**Kelima:** Jika perlu, mengemaskini peruntukan undang-undang yang sedia ada, khusus bagi menangani ajaran sesat secara lebih berkesan.

بَارَكَ اللَّهُ لِيْ وَلَكُمْ بِالْقُرْءَانِ الْعَظِيمِ وَنَفْعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ  
وَتَقْبَلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاقُتُهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ  
الْعَظِيمَ لِيْ وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ  
وَالْأَمْوَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.



## Khutbah Kedua

الْحَمْدُ لِلَّهِ<sup>4</sup> حَمْدًا يُوَافِي نِعْمَةٌ وَيُكَافِئُ مَزِيدَهُ . أَشْهُدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ<sup>5</sup>  
لَهُ، وَأَشْهُدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ . اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ<sup>6</sup>  
وَعَلَى الَّهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ . أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ ! اتَّقُوا اللَّهَ<sup>7</sup> وَكُونُوا مَعَ الصَّادِقِينَ .

**Muslimin yang dirahmati Allah,**

Mimbar menyeru para jemaah agar kita tetap berpegang kepada aqidah Islamiah berteraskan ahli Sunnah Waljamaah, yang menjadi warisan Rasulullah SAW, sahabat dan tabiin. Jagalah hubungan dengan Allah SWT dan sesama manusia. Kekalkanlah persaudaraan sesama Muslimin. Makmurkanlah rumah-rumah Allah dengan istiqamah mengerjakan ibadah, terutamanya solat fardu berjemaah. Perbanyakkan selawat dan salam ke atas Junjungan Besar Nabi Muhammad SAW.

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ، يُصَلِّوْنَ عَلَى النَّبِيِّ يَتَّبِعُهَا الَّذِينَ آمَنُوا صَلَوْا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا  
اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَيْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ  
وَبَارِكْ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ فِي  
الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ . اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ  
وَالْمُؤْمِنَاتِ<sup>8</sup> ، وَأَصْلِحْ ذَاتَ بَيْنِهِمْ وَالْفَيْنَ قُلُوبَهُمْ وَاجْعَلْ فِي قُلُوبِهِمُ الْإِيمَانَ  
وَالْحِكْمَةَ، وَثِبِّهِمْ عَلَى مِلَّةِ رَسُولِ اللَّهِ ﷺ . اللَّهُمَّ إِنَا نَسْأَلُكَ إِيمَانًا يُبَاشِرُ قُلُوبَنَا وَيَقِينًا  
صَادِقًا رَبِّنَا لَا تُزْغِ قُلُوبَنَا بَعْدَ إِذْ هَدَيْنَا وَهَبْ لَنَا مِنْ لَدُنْكَ رَحْمَةً<sup>9</sup> إِنَّكَ أَنْتَ  
الْوَهَّابُ .

<sup>4</sup> Memuji Allah

<sup>5</sup> Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

<sup>6</sup> Pesan Taqwa

<sup>7</sup> Ayat Al-Quran

<sup>8</sup> Doa untuk Kaum Muslimin



**Ya Allah! Ya Rabbal 'alamin!**, Jangan palingkan hati kami setelah kami diberikan hidayah agama Islam. Tetapkanlah aqidah dan agama kami. Akhiri hayat kami dalam keadaan Islam dan keimanan yang kukuh.

**Ya Razzaq**, berkatilah hamba Mu yang melaksanakan tuntutan zakat, wakaf dan sedekah. Kurniai rezeki yang berlipat ganda kepada mereka, serta sucikanlah harta dan jiwa mereka; jauhi golongan *fugara* dan *masakin* daripada kekufuran dan kefakiran yang berpanjangan.

**Ya Dzal Jalaali wal Ikram!**, jadikanlah kami antara hamba Mu yang memelihara amanah. Kuatkan iman kami agar menjauhi perbuatan khianat seperti salah guna harta benda bukan milik kami, memberi atau menerima rasuah, menyalahgunakan kuasa untuk kepentingan diri, serta jauhkan kami termasuk dalam golongan yang mengabaikan tanggungjawab yang diamanahkan.

**Ya Maalikal Mulk!**, jauhi negara kami daripada kehancuran disebabkan perbuatan rasuah; serahkan tanggungjawab pimpinan dan pengurusan negara kami kepada kalangan hamba Mu yang amanah dan ikhlas, serta tegas lagi berani menegakkan kebenaran dan melaksanakan keadilan berlandaskan hukum.

**Ya Malik! Ya Hadi!**, kurniakanlah taufik dan hidayah Mu terhadap raja kami, Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah Ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfur-Lah, dan Raja Permaisuri Perak Darul Ridzuan Tuanku Zara Salim serta kerabat diraja dan seluruh rakyat jelata.

**رَبَّنَا آتَنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقَنَا عَذَابَ النَّارِ**

فيَّا عبَادَ اللَّهِ، ﴿إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَا عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ﴾ فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرُكُمْ، وَاشْكُرُوهُ عَلَى نِعْمَهِ يَزِدُّكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ، وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.